

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENUBUHAN INSTITUT MEMANDU BAHARU



NAMA PEMOHON	:	
KAWASAN OPERASI (DAERAH) DIPOHON	:	

PERINGATAN PENTING:

Selaras dengan peruntukkan **Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Sekolah Memandu) 1992 ("Kaedah")**, Jawatankuasa Pelesenan Institut Memandu (JKPIM) mempunyai kuasa sepenuhnya dalam menetapkan prosedur (termasuk sebarang panduan) bagi mempertimbangkan sebarang permohonan penubuhan Institut Memandu (IM) baharu. Perkara-perkara yang disenaraikan dalam dokumen ini hanyalah merupakan panduan kepada setiap permohonan yang dikemukakan sahaja.

Kuasa mutlak adalah kepada JKPIM sama ada mempertimbang atau tidak mempertimbangkan sebarang permohonan, atau bagi menilai setiap permohonan menggunakan sebarang prosedurnya sendiri atau menggunakan apa-apa sahaja asas pertimbangan pada setiap masa tanpa memerlukan sebarang campur tangan atau persetujuan mana-mana pihak selain daripada JKPIM, serta bagi menetapkan sebarang atau apa-apa sahaja syarat atau peraturan berkaitan pembangunan, pengoperasian dan pelesenan (permit) IM baharu dan/atau sedia ada.

	GARIS PANDUAN / PERKARA	SEMAKAN
1.	Dokumen permohonan bagi penubuhan suatu IM baharu hendaklah turut mengandungi:- (i) Borang Permohonan Permit Sekolah / Institut Memandu (Borang SM1A); (ii) Alamat perhubungan (alamat, nombor telefon, alamat e-mail dsbgnya); (iii) Justifikasi / asas permohonan; (iv) Cadangan lokasi tapak litar dan koordinat tapak berkenaan; (v) Daerah / kawasan operasi dipohon; (vi) Maklumat terperinci mengenai tahap pembangunan sosio-ekonomi dan tahap pembangunan fizikal di kawasan terlibat, mengandungi tahap perancangan ekonomi, jumlah penduduk semasa dan anggaran peningkatan, maklumat pecahan penduduk mengikut umur, jumlah sekolah/pusat pengajian tinggi, aktiviti ekonomi setempat, anggaran permintaan calon belajar memandu yang akan diberi perkhidmatan dan sebagainya; (vii) Jumlah IM sedia ada yang beroperasi dalam kawasan daerah sama.	

	GARIS PANDUAN / PERKARA	SEMAKAN
2.	Jenis / syarat kegunaan tanah. (i) Sebarang permohonan menggunakan tapak tanah kategori penggunaan Pertanian tidak akan dipertimbangkan. Namun, pemohon boleh mengemukakan bukti/ kelulusan daripada pihak berkuasa yang telah meluluskan/ bersetuju ke atas permohonan pertukaran kategori penggunaan tanah tersebut. (ii) Tapak tanah hendaklah bebas daripada sebarang atau apa-apa sahaja sekatan kepentingan yang menyekat pembangunan suatu IM. (iii) Tanah hendaklah milik sepenuhnya pemohon. Namun sekiranya tapak tanah itu disewa daripada suatu pemilik lain, tempoh sewaan tanah itu hendaklah sekurang-kurangnya bagi tempoh sepuluh (10) tahun. Kontrak sewaan atau pajakan dengan tempoh tersebut yang sah dari segi undang-undang hendaklah dikemukakan bersama semua dokumen permohonan seperti di perkara 1. (iv) Tapak tanah hendaklah bukan merupakan suatu kawasan bergaung, berbukit, paya, lembah, bekas tasik, berbatu dan lain-lain yang tidak bersesuaian dengan pembangunan suatu IM.	
3.	Keluasan Tanah dan Kelas Kenderaan Motor (i) Keluasan tanah minima adalah bergantung kepada jenis latihan, pengajaran dan pelesenan kenderaan motor yang dipohon. (ii) Pemohon boleh memohon untuk hanya menyediakan latihan, pengajaran dan ujian bagi satu, sebahagian atau kesemua jenis atau kelas kenderaan motor. (iii) Keluasan minima bagi permohonan melibatkan kesemua jenis / kelas kenderaan motor adalah lima (5) ekar. (iv) Keluasan tanah minima bagi permohonan yang hanya melibatkan satu atau sebahagian jenis/kelas kenderaan motor akan dinilai mengikut setiap permohonan. (v) Pihak pemohon bertanggungjawab menyediakan pelan teknikal litar mengikut keadaan rupa bumi tanah serta spesifikasi elemen litar sedia ada.	
4.	Lokasi Tapak Cadangan Pembangunan IM JKPIM akan menentukan kesesuaian lokasi tapak cadangan pihak pemohon mengikut prosedurnya sendiri, dengan turut mengambil kira faktor berikut:- (i) Jumlah permintaan sedia ada dan akan datang di suatu lokasi terlibat; (ii) Tahap perancangan pembangunan fizikal, sosial dan ekonomi suatu kawasan terlibat; (iii) Kemampuan IM sedia ada di dalam suatu lokasi memenuhi keperluan permintaan sedia ada dan akan datang;	

	GARIS PANDUAN / PERKARA	SEMAKAN																		
	(iv) Kawalan jarak antara permohonan baharu dengan IM sedia ada di dalam suatu kawasan akan hanya ditetapkan dalam suatu kawasan yang tidak mempunyai calon yang memadai atau dalam suatu kawasan luar bandar atau bukan merupakan kawasan tumpuan. (v) JKPIIM akan menentukan had kawalan kawasan operasi bagi setiap permohonan.																			
5.	Kebenaran / Kelulusan Pihak Berkuasa Yang Berkenaan (i) Semua permohonan hendaklah mendapat kelulusan pembangunan dan kelulusan menjalankan perniagaan daripada semua pihak berkuasa yang berkenaan termasuklah Pentadbir Tanah Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain yang berkaitan bagi tujuan pengoperasian suatu IM. (ii) Suatu kelulusan bersyarat daripada pihak berkuasa yang berkenaan boleh dikemukakan bagi tujuan permohonan.	☐																		
6.	Pemohon hendaklah terdiri daripada Syarikat Sendirian Berhad atau Berhad yang dimiliki oleh warganegara Malaysia dan telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 atau Akta Syarikat 2016 dengan modal berbayar sekurang-kurangnya RM500 ribu yang dibuktikan melalui Borang 24, Akta Syarikat 1965 atau Borang Teras, Akta Syarikat 2016. Dokumen-dokumen Pendaftaran atau Pemerbadanan Syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 atau Akta Syarikat 2016 yang dibuktikan melalui:- <table border="1"> <thead> <tr> <th>Jenis Maklumat</th><th>Akta Syarikat 1965</th><th>Akta Syarikat 2016</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>(i) Sijil pemerbadanan sebuah syarikat</td><td>Borang 9 atau Borang 13</td><td>Seksyen 17 atau Seksyen 28</td></tr> <tr> <td>(ii) Butiran berkaitan saham sebuah syarikat</td><td>Borang 24</td><td>Seksyen 51 Seksyen 78</td></tr> <tr> <td>(iii) Butiran berkaitan pengarah sebuah syarikat</td><td>Borang 49</td><td>Seksyen 14 Seksyen 58</td></tr> <tr> <td>(iv) Butiran berkaitan pendaftaran alamat sebuah syarikat</td><td>Borang 44</td><td>Seksyen 46</td></tr> <tr> <td>(v) Butiran muktamad bahawa syarikat telah didaftarkan dengan teratur</td><td>Sijil Pemerbadanan</td><td>Seksyen 15 (Notis Pendaftaran)</td></tr> </tbody> </table>	Jenis Maklumat	Akta Syarikat 1965	Akta Syarikat 2016	(i) Sijil pemerbadanan sebuah syarikat	Borang 9 atau Borang 13	Seksyen 17 atau Seksyen 28	(ii) Butiran berkaitan saham sebuah syarikat	Borang 24	Seksyen 51 Seksyen 78	(iii) Butiran berkaitan pengarah sebuah syarikat	Borang 49	Seksyen 14 Seksyen 58	(iv) Butiran berkaitan pendaftaran alamat sebuah syarikat	Borang 44	Seksyen 46	(v) Butiran muktamad bahawa syarikat telah didaftarkan dengan teratur	Sijil Pemerbadanan	Seksyen 15 (Notis Pendaftaran)	☐
Jenis Maklumat	Akta Syarikat 1965	Akta Syarikat 2016																		
(i) Sijil pemerbadanan sebuah syarikat	Borang 9 atau Borang 13	Seksyen 17 atau Seksyen 28																		
(ii) Butiran berkaitan saham sebuah syarikat	Borang 24	Seksyen 51 Seksyen 78																		
(iii) Butiran berkaitan pengarah sebuah syarikat	Borang 49	Seksyen 14 Seksyen 58																		
(iv) Butiran berkaitan pendaftaran alamat sebuah syarikat	Borang 44	Seksyen 46																		
(v) Butiran muktamad bahawa syarikat telah didaftarkan dengan teratur	Sijil Pemerbadanan	Seksyen 15 (Notis Pendaftaran)																		

	GARIS PANDUAN / PERKARA	SEMAKAN
7.	Memiliki modal pusingan sekurang-kurangnya RM1 juta yang dibuktikan menerusi penyata bank (simpanan tetap/semasa) akaun syarikat / pemegang saham bagi tempoh lima (5) bulan terkini.	☐
8.	Penubuhan IM Di Dalam Binaan Bangunan Bertingkat (i) Permohonan bagi menubuh dan mengoperasikan IM dan semua komponen litar latihan, pengajaran dan pengujian lesen memandu di dalam suatu bangunan boleh dipertimbangkan tertakluk kepada pertimbangan dan mematuhi semua ketetapan JKPIIM. (ii) Sebagai asas, senarai panduan berkaitan kriteria permohonan ini adalah seperti digariskan di Lampiran A.	☐
9.	Memorandum of Association (MOA) yang menyatakan aktiviti berkaitan dengan latihan atau perniagaan yang berkaitan dengan permohonan yang dikemukakan oleh pemohon (jika pemohon bukan pemilik tanah).	☐
10.	Surat persetujuan daripada pemegang permit sekolah memandu sedia ada yang bersetuju bergabung menubuhkan Institut Memandu.	☐
11.	Aku Janji Pemohon (i) Semua pemohon akan diwajibkan menandatangani Aku Janji berkaitan dengan kesahihan dan ketetapan sebarang dokumen atau maklumat yang dikemukakan. Borang Aku Janji seperti di Lampiran B. (ii) Sebarang elemen penipuan, maklumat tidak tepat atau pemalsuan dokumen/maklumat, pihak pemohon akan boleh dikenakan tindakan seperti mana telah diperuntukkan di bawah Akta 333 dan/atau undang-undang semasa yang berkuatkuasa. (iii) Sebarang permohonan yang didapati mengandungi elemen penipuan, maklumat tidak tepat atau pemalsuan atau unsur-unsur rasuah, tidak akan diproses sama sekali.	☐

LAMPIRAN A :
GARIS PANDUAN PERMOHONAN PEMBINAAN & PENGOPERASIAN
INSTITUT MEMANDU (IM) DALAM BANGUNAN / BERTINGKAT

Dokumen ini bertujuan menerangkan garis panduan permohonan pelesenan, pembinaan dan peraturan pengoperasian Institut Memandu (IM) melibatkan konsep dalam binaan (bangunan / bertingkat).

Garis Panduan ini adalah menjadi panduan kepada suatu permohonan sahaja dan kuasa mutlak dalam mempertimbang atau tidak mempertimbangkan sebarang permohonan adalah terletak di bawah kuasa JKPIIM. JKPIIM juga berkuasa menentukan apa-apa prosedur dan panduan atau kriteria dalam menilai sebarang permohonan seperti mana diperuntukkan di bawah Akta 333. Garis Panduan ini akan dipinda dari masa ke semasa dan semua pemohon adalah bertanggungjawab untuk merujuk kepada versi terkini pada setiap masa permohonan.

(A) Jenis binaan infrastruktur binaan sedia ada yang boleh dipertimbangkan – pembinaan litar di dalam bangunan

1. Pilihan utama yang akan dipertimbangkan adalah melibatkan permohonan pembinaan baharu suatu bangunan yang direka khas bagi tujuan pembangunan litar latihan, pengajaran dan ujian memandu.
2. Namun, bangunan binaan sedia ada turut boleh dipertimbangkan termasuklah kawasan tempat meletak kenderaan terbuka, tempat meletak kenderaan bertingkat, kawasan kilang, bangunan bertingkat dan lain-lain jenis yang dipertimbangkan dan dinilai oleh JKPIIM.
3. Pembinaan bangunan baharu ataupun penggunaan bangunan sedia ada hendaklah merupakan pemilikan sah pemohon atau dipajak untuk tempoh masa panjang (minimum 10 tahun). Perkara ini bertujuan mengelakkan isu berbangkit seperti kesukaran mendapatkan kelulusan perniagaan dan pinda syarat nyata daripada pihak berkuasa berkenaan, isu kontrak B2B, isu kelewatan pembangunan, isu tuntutan pemilikan, isu liabiliti perundangan dan sebagainya.
4. Semua pemohon hendaklah mengemukakan pelan teknikal pembinaan litar dalam bangunan kepada Bahagian Pelesenan Pemandu (M) Ibu Pejabat, JPJ untuk kelulusan sebelum sebarang permohonan boleh dipertimbangkan di peringkat JKPIIM. Pembinaan bangunan hendaklah memenuhi semua spesifikasi teknikal, komponen litar, komponen pentadbiran/kelas/pengurusan, aspek keselamatan dan pengoperasian IM yang ditetapkan oleh Bahagian M.
5. Semua komponen infrastruktur utama adalah wajib ada di dalam rekaan bangunan tersebut termasuk bilik kuliah, kemudahan calon, komponen pengurusan dan sebagainya.

(B) Kelulusan perniagaan dan pinda syarat kegunaan binaan sedia ada daripada pihak berkuasa berkenaan

1. Pemohon hendaklah mendapatkan semua kelulusan pembinaan, pelesenan/kelulusan perniagaan dan pindaan syarat kegunaan binaan sedia ada daripada pihak berkuasa yang berkenaan bagi menjalankan pengoperasian sebagai satu IM di dalam bangunan.
2. Kelulusan daripada pihak berkuasa termasuklah daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan lain-lain yang berkaitan hendaklah diperolehi sebelum permohonan dikemukakan kepada JPJ. Kelulusan bersyarat daripada pihak berkuasa yang berkenaan boleh dikemukakan bagi tujuan permohonan kelulusan pembinaan/pengoperasian IM baharu daripada JKPIIM.

(C) Kelas kenderaan motor bagi tujuan pengajaran dan pengujian

1. Tertakluk kepada pematuhan binaan spesifikasi komponen-komponen pengajaran KPP02/03 sedia ada, pengoperasian dibenarkan untuk kelas motosikal dan/atau motokar sahaja bagi permohonan melibatkan struktur binaan fizikal sedia ada.
2. Namun bagi kelas E, permohonan boleh dipertimbangkan bagi permohonan pembinaan bangunan baharu sahaja. Litar bagi latihan dan ujian kelas E adalah ditetapkan pada aras tanah sahaja. Litar bagi latihan dan ujian kelas B dan D boleh dibangunkan sama ada di aras 1 dan seterusnya.

(D) Pematuhan spesifikasi binaan / reka bentuk komponen litar bagi kelas kenderaan motor sedia ada

1. Semua permohonan pembinaan hendaklah mematuhi semua spesifikasi litar sedia ada. Pembinaan bangunan baharu hendaklah disesuaikan dengan spesifikasi litar tersebut.
2. Pemohon yang memiliki premis sedia ada hendaklah membangunkan rekaan pelan litar berasaskan premis sedia ada dengan menerapkan elemen-elemen pengajaran sedia ada di dalam rekaan pelan litar tersebut.
3. Rekaan pelan litar ini seterusnya dikemukakan dalam permohonan ke JPJ untuk kelulusan. Hanya pelan yang telah diluluskan oleh Bahagian M sahaja yang akan diangkat bagi pertimbangan selanjutnya daripada JKPIIM.
4. Antara lain, rekaan pelan litar hendaklah menerap dan menerangkan elemen pembinaan infrastruktur keselamatan tambahan bagi memastikan aktiviti pengajaran dan pengujian adalah selamat kepada calon, orang ramai, pengajar dan premis.

(E) Penyediaan ruang-ruang pengajaran dan kemudahan sedia ada

1. Selain daripada rekaan litar KPP02/03, pemohon juga hendaklah menyediakan ruang-ruang bagi tujuan pengajaran KPP01 dan lain-lain kemudahan asas yang diwajibkan di bawah garis panduan permohonan penubuhan dan pengoperasian IM sedia ada.

2. Fasiliti terbabit hendaklah dinyatakan dengan jelas di dalam rekaan pelan litar yang dikemukakan ke JPJ.

(F) Pelan dan rekaan keselamatan

1. Pemohon hendaklah dengan jelas menerangkan pelan dan rekaan keselamatan tambahan yang diperlukan dan bersesuaian di dalam premis yang dicadangkan.
2. Setiap permohonan akan dinilai berasaskan kepada aspek keselamatan selain daripada mematuhi semua garis panduan sedia ada.

(G) Risiko Perundangan, Peraturan & Kewangan

1. Semua risiko terbabit adalah ditanggung sepenuhnya oleh pihak pemohon. JPJ tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian, kegagalan mendapatkan kelulusan beroperasi/pembangunan daripada pihak berkuasa yang berkenaan atau sebarang tuntutan perundangan atau kegagalan pihak pemohon membangunkan IM tersebut.
2. Adalah menjadi tanggungjawab pemohon sepenuhnya mendapatkan semua kelulusan dan mematuhi semua peraturan sedia ada yang berkuatkuasa oleh semua pihak berkuasa yang berkenaan sebelum mengemukakan permohonan penubuhan IM baharu.
3. Pemohon hendaklah dan bertanggungjawab sepenuhnya memastikan permohonan yang akan dikemukakan mematuhi lain-lain atau apa-apa sahaja undang-undang atau peraturan lain yang berkaitan dengan menjalankan perniagaan di dalam suatu bangunan daripada mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan.
4. Kelulusan bersyarat akan diberikan kepada setiap permohonan (tempoh maksima 2 tahun) untuk memuktamadkan semua proses pembangunan. Sebarang permohonan pelanjutan tempoh pembinaan adalah tertakluk kepada budi bicara JKPIIM sepenuhnya. Kegagalan mematuhi semua peraturan ditetapkan akan boleh menyebabkan kelulusan bersyarat dibatalkan oleh JKPIIM.

(H) Kos Pembangunan, Pengoperasian dan Kadar Fi

1. Kos pembinaan IM di dalam bangunan dianggarkan adalah lebih tinggi berbanding IM konvensional. Kos operasi juga dijangka lebih tinggi mengambil kira komponen mekanikal, elektrik dan sivil yang perlu diselenggara dan ditanggung oleh IM. Perkara-perkara ini berkemungkinan menyebabkan pulangan kepada pelaburan memerlukan tempoh masa panjang dan/atau jumlah calon yang tinggi dalam tempoh singkat dan/atau peningkatan kadar fi / caj yang dikenakan kepada calon.
2. Dalam hal ini, tiada sebarang peningkatan atau pertambahan kadar fi / caj dibenar dikenakan oleh IM terlibat tanpa sebarang kelulusan daripada JKPIIM/ JPJ terlebih dahulu.

**LAMPIRAN B :
AKU JANJI
PERMOHONAN PEMBINAAN & PENGOPERASIAN
INSTITUT MEMANDU (IM) BAHARU**

Saya.....(nama penuh)
..... (no. kad pengenalan) yang beralamat di
.....
.....(alamat surat menyurat)
sebagai Pemohon daripada Syarikat
bagi permohonan penubuhan Institut Memandu (IM) baharu, dengan ini mengesahkan
bahawa semua maklumat, dokumen dan kenyataan yang saya berikan adalah benar, dan
saya mengaku dan berjanji bahawa sekiranya maklumat, dokumen dan kenyataan yang
dikemukakan adalah tidak tepat, palsu, mengelirukan, atau terlibat dalam sebarang unsur-
unsur penyalahgunaan kuasa, penipuan, tidak berintegriti atau mempunyai sebarang unsur-
unsur rasuah, yang mana akan menyebabkan ketidakpatuhan kepada kehendak
perundangan semasa, saya akur dan menerima bahawa:—

- (a) tindakan penguatkuasaan/perundangan selaras dengan ketetapan di bawah
Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] dan peraturan-peraturan di bawahnya
dikenakan ke atas saya;
- (b) permohonan saya ditolak dan syarikat akan disenarai hitam di masa hadapan;
dan
- (c) sebarang permit yang telah diluluskan oleh JKPIIM susulan penggunaan
maklumat, dokumen, kenyataan atau tingkah laku disebut di atas, akan
DIBATALKAN serta merta.

.....
Tandatangan Pemohon
Nama:
Kad Pengenalan:
Tarikh: